

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membandingkan antara konsep kendiri pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Konsep kendiri tersebut dikaitkan juga dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar yang berkenaan. Seramai 158 orang pelajar telah dipilih secara rawak di mana 72 orang daripada mereka ialah pelajar lelaki dan 86 orang lagi pelajar perempuan. Soal selidik "Skala Konsep Kendiri Pasao" dan "Skala Konsep Kendiri Tennessee" yang telah diubahsuai dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu digunakan sebagai alat pengukuran konsep kendiri responden manakala maklumat pencapaian akademik mereka diperolehi daripada keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan Empat 1997 bagi sekolah-sekolah yang terlibat.

Data-data yang diperolehi telah dianalisa bergantung kepada hipotesis yang dibuat di mana Hipotesis 1 dan 2 menggunakan peratusan, Hipotesis 3 dengan kaedah ujian-t dan ujian khi-kuasa dua. Hipotesis 4 juga menggunakan ujian khi-kuasa dua. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan antara konsep kendiri pelajar-pelajar lelaki dan perempuan tetapi terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, beberapa implikasi dapat dibuat terhadap konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Di samping itu beberapa saranan yang baik telah diutarakan untuk meningkatkan lagi konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar-pelajar khususnya di Seremban, Negeri Sembilan.